

## **TUNTUTAN Mencari Makanan Halal dan Toyyiban dalam Islam: Penguatkuasaannya Melalui Undang-Undang Semasa**

**MOHAMAD HAFIFI BIN HASSIM & NOR'ADHA BT AB HAMID**

Fakulti Syariah Dan Undang-Undang  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

### **ABSTRAK**

Mencari makanan yang halal dan bersih merupakan suatu kefardhuan ke atas semua umat Islam, malah tuntutan mencarinya juga merupakan satu ibadah. Tuntutan mencari makanan yang halal meliputi pelbagai aspek seperti aspek kebersihan, kesihatan dan penyediaannya harus diambil berat. Keadaan ini kerana ianya berkait rapat dengan aspek kesihatan seseorang Muslim. Makanan yang tidak halal ataupun syubhah boleh memberi kesan kepada kesempurnaan jasmani dan pembangunan spiritual. Dewasa kita, di pasaran terdapat lambakan produk-produk makanan yang disediakan oleh penjual-penjual sama ada di pasaraya besar ataupun di kedai-kedai makan. Ini mendorong kepada orang Islam untuk menikmati makanan atau produk tersebut. Masyarakat bebas memilih untuk makan dan menikmati apa sahaja yang mereka inginkan, namun sebagai orang Islam, mereka terikat untuk mencari makanan yang halal dan toyyiban. Akta Perihal Dagangan 2011 melalui seksyen 29 telah membuat perintah yang dinamakan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan Dan Penandaan Halal) 2011 telah memberikan garis panduan umum kepada orang awam dalam pemilihan makanan yang halal serta hukuman yang akan dikenakan terhadap mana-mana individu atau institusi jika mereka menandakan sesuatu makanan itu halal tanpa diperakukan oleh pihak JAKIM dan menggunakan logo Halal yang rasmi. Perintah ini memudahkan orang Islam di negara ini untuk mencari makanan yang halal lagi bersih. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dengan merujuk kepada buku-buku, makalah ilmiah dan juga merujuk kepada set-set perundangan semasa. Penulisan ini akan memberikan pendedahan kepada orang awam dan pihak industri akan keperluan untuk mencari makanan yang halal serta tanggungjawab pihak industri untuk memastikan produk keluaran mereka adalah halal dan selaras dengan hendak perundangan semasa.

**Kata kunci:** *Halal, makanan, toyyiban, penguatkuasaan, JAKIM.*

### **1.0 PENDAHULUAN**

Ajaran Islam mewajibkan penganutnya mengambil makanan yang bersih dan tidak memudaratkan serta mematuhi kod diet yang dipanggil halal. Halal adalah terma daripada Al-Quran yang bermaksud dibenarkan atau sah. Makanan dan minuman halal dibenarkan untuk diambil oleh Allah. Haram pula adalah terma yang diambil daripada Al-Quran yang bererti dilarang atau tidak sah. Memakan makanan halal adalah menjadi kewajipan setiap orang Muslim manakala makanan dan minuman haram adalah dilarang pengambilannya oleh Allah. Oleh itu, memakan makanan haram adalah dilarang bagi setiap Muslim. Hadith Rasullullah s.a.w menyatakan, "Tidak akan memasuki syurga daging yang tumbuh daripada yang haram dan setiap daging yang haram itu maka api neraka lebih layak baginya."

Produk dan perkhidmatan berasaskan halal sedang mendapat pengiktirafan daripada dunia pada kadar yang amat memberangsangkan bukan hanya semata-mata kerana bilangan penganut agama Islam yang bertambah, namun secara signifikan ianya juga adalah disebabkan oleh kesedaran masyarakat dunia yang menganggap bahawa halal ialah suatu tanda aras bagi kebersihan dan keselamatan (Mohd Noorizzudin Nooh, 2007) Makanan halal mempunyai permintaan yang tinggi disebabkan dari permintaan masyarakat global tanpa mengira bangsa dan agama.

Matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah hab halal telah menjadi sasaran kerajaan sejak sekian kebelakangan ini. Di dalam negara sendiri, permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan halal semakin meningkat secara mendadak. Adalah diharapkan kekuatan Malaysia di dalam industri berasaskan halal ialah suatu yang dapat dikongsi bersama oleh semua usahawan Muslim bukan hanya di Malaysia malah untuk umat Islam di seluruh dunia kerana kekuatan industri ini dari segi permintaan dan nilai adalah amat tinggi dan sentiasa akan berkembang sejajar dengan populasi dunia

Pihak yang memainkan peranan terbesar dalam menentukan kehalalan sesuatu makanan, minuman dan barangan gunaan orang Islam adalah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Oleh itu setiap pengusaha produk makanan hendaklah mematuhi peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan supaya dapat menjamin kehalalan suatu produk makanan yang dikeluarkan.

## 2.0 DEFINISI MAKANAN HALAL

Halal ialah perkara yang diharuskan, yang telah gugur daripadanya ikatan haram dan syariat membenarkan perbuatannya (Yusuf al-Qardhawi, 1999).

Halal berasal daripada kalimah Arab yang bermaksud dibenarkan atau dibolehkan oleh syarak dalam Islam (Halal.gov.my 2012)

Takrif Halal mengikut Akta Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasaannya “Halal”) 2011 adalah seperti berikut:

*Apabila digunakan berhubung dengan makanan dalam apa-apa juga bentuk dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan sebagai suatu perihal dagangan atau sebagai sebahagian daripada suatu perihal dagangan yang dipakai bagi makanan itu, perbahasaannya-perbahasaannya ‘Halal’, ‘Ditanggung Halal’ atau ‘Makanan Islam’ atau apa-apa perbahasaannya lain yang menunjukkan atau mungkin difahamkan sebagai menunjukkan bahawa orang-orang Islam adalah dibenarkan oleh agama mereka memakan makanan itu maka perbahasaannya itu hendaklah mempunyai erti yang berikut, iaitu makanan yang berhubung dengan perbahasaannya atau perbahasaannya-perbahasaannya itu digunakan:*

- i) *bukanlah terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahagian atau benda dari binatang yang orang Islam dilarang oleh Hukum Syarak memakannya atau yang tidak disembelih mengikut Hukum Syarak;*
- ii) *tidaklah mengandungi apa-apa benda yang dihukum sebagai najis mengikut Hukum Syarak;*

- iii) *tidak disedia, diproses atau dikilang dengan menggunakan apa-apa alat yang tidak bebas dari benda-benda najis mengikut Hukum Syarak; dan*
- iv) *tidaklah dalam masa menyedia, memproses atau menyimpannya itu bersentuhan atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang tidak memenuhi kehendak-kehendak perenggan (a), (b) atau (c) atau apa-apa benda yang dihukum sebagai najis mengikut Hukum Syarak.*

Mengikut Kamus Dewan Edisi ke-4, halal boleh ditakrifkan sebagai hukum membenarkan sesuatu perbuatan dilakukan (dalam Islam) atau diperbolehkan (tidak ditegah oleh syarak) atau diizinkan atau dibenarkan dan lawannya adalah haram. (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Hakikatnya jika diteliti dan difahami ke semua definisi halal di atas, semuanya membawa maksud yang sama iaitu menggunakan sesuatu yang suci dan yang dibenarkan syarak baik dari segi penyediaan suatu bahan makanan atau bahan gunaan harian. Oleh itu, sebagai pengguna Islam, kita hendaklah bijak dalam memilih produk makanan yang benar-benar diyakini dan yang telah disahkan halal sahaja sebagai pilihan utama dalam kehidupan kita sebagai seorang Muslim.

### 3.0 DALIL PENSYARIATAN MAKANAN HALAL

Suatu benda atau perbuatan itu tidak terlepas daripada lima perkara iaitu halal, haram, syubhat, makruh dan mubah. Terdapat barang yang halal secara mutlak kita disuruh oleh Allah untuk memakannya, sedang terhadap yang haram kita disuruh supaya menjauhinya. Sesungguhnya makanan yang halal itu dapat menambah cahaya iman dan membuat terkabulnya doa dan makanan yang haram dapat menggelapkan hati serta terdindingnya doa kita.

Kaedah syarak dalam menentukan makanan yang diharamkan dan dihalalkan adalah bertitik tolak daripada firman Allah:

*Katakanlah, “Tidak ku dapati di dalam apa yang diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan memakannya bagi yang ingin memakannya, kecuali daging haiwan yang mati (bangkai), darah yang mengalir, daging babi-karena semua itu kotor-atau hewan yang disembelih bukan atas (nama) Allah. Tetapi barang siapa terpaksa bukan karena menginginkan dan tidak melebihi (batas darurat) maka sungguh, Tuhanmu Maha Pengampun, Maha Penyayang.”*  
(Surah Al-An’am (6):145)

Melalui ayat di atas, Allah mengharamkan manusia memakan bangkai, babi dan haiwan yang tidak disembelih kecuali dalam keadaan darurat yang mana ketika itu tiada sumber makanan lain kecuali bangkai-bangkai haiwan atau daging babi sahaja dan memakannya hanya sekadar untuk meneruskan hidup sahaja. Sesungguhnya setiap sesuatu itu adalah harus hukumnya pada asalnya dan tiap sesuatu yang haram dan halal itu juga adalah jelas dinyatakan Allah di dalam al-Quran.

Justeru, berdasarkan ayat di atas dapatlah difahami iaitu Allah menerangkan tentang rezeki yang dikurniakan Allah yang luas, maka pilihlah rezeki yang halal dan tetaplah bertaqwa dan bersyukur atas kurniaannya. Sesungguhnya rezeki yang halal dan baik itu akan mendapat pahala dan rahmat di sisi Allah.

Berdasarkan ayat-ayat ini, hukum hakam makanan dari sudut halal dan haramnya tertegak di atas tiga prinsip berikut:

**Prinsip Pertama :**

Semua haiwan yang dimakan oleh bangsa Arab (diterima oleh jiwa mereka yang bersih) di zaman Nabi s.a.w. sewaktu mereka dalam keadaan senang (banyak makanan) dan mewah adalah halal.

Termasuk dalam bahagian ini ialah:

- I. Setiap haiwan yang hanya hidup dalam lautan, iaitu ikan dan pelbagai jenis dan namanya adalah halal. Syariat juga mengakui halalanya makanan ini dan keharusan memakannya.
- II. Binatang ternakan iaitu unta, lembu, kambing, kuda, kijang, arnab dan sebagainya yang dimakan oleh bangsa Arab bahkan terdapat nas syarak yang menghalalkannya.

**Prinsip Kedua :**

Binatang buas yang diharamkan ialah setiap binatang buas yang memiliki taring yang kuat yang digunakan untuk menangkap mangsanya seperti anjing, babi, serigala, gajah, dan seumpamanya yang memiliki taring yang kuat.

Diharamkan juga setiap burung yang memiliki kuku kuat yang digunakan untuk mencakar dan boleh mencederakan seperti helang.

**Prinsip Ketiga:**

Diharamkan juga memakan haiwan yang disunatkan membunuhnya seperti ular, kala jengking, burung gagak, tikus dan setiap haiwan yang jelas merbahaya.

**Keadaan darurat (terpaksa):**

Keadaan terpaksa yang dialami oleh manusia adalah dikecualikan daripada hukum umum yang ditetapkan oleh tiga prinsip di atas. Oleh itu manusia yang berada dalam keadaan darurat dibolehkan memakan bangkai yang diharamkan juga haiwan yang sabit pengharamannya. Ia dihalalkan memakannya sekadar untuk menyelamatkan nyawanya (Mustaffa Suhaimi. 2007) Ini berdasarkan firman Allah:

Maksudnya:

*“Dan mengapa kamu tidak mau memakan daripada apa (daging hewan) yang (ketika disembelih) disebut nama Allah, padahal Allah menjelaskan kepadamu apa yang diharamkan-Nya kepadamu, kecuali jika kamu dalam keadaan terpaksa.”*

(Al-An’am (6):119)

Justeru, sebagai masyarakat Islam, semua pihak haruslah peka dan mengambil berat mengenai isu makanan halal. Perkara ini tidak harus dipandang ringan kerana melibatkan soal sensitiviti Islam dan halal yang berkait rapat dengan kehidupan harian masyarakat Islam. Ini kerana setiap perkara yang di makan akan menjadi darah daging manusia dan jika makanan yang di makan

itu adalah sesuatu yang buruk maka ia akan mendatangkan kesan yang buruk juga kepada diri seseorang itu, jika sesuatu yang di ambil itu adalah baik, maka ia akan mendatangkan hasil yang baik juga.

#### **4.0 KONSEP DAN PRINSIP HALAL HARAM**

Masyarakat Arab pada zaman Jahiliah boleh dijadikan suatu contoh yang jelas dalam hal ketidakseimbangan ukuran halal dan haram terhadap urusan dan amal perbuatannya. Mereka telah menghalalkan minuman khamar, iaitu minuman keras, membolehkan memakan riba secara berlipat kali ganda dan lain-lain lagi. Oleh itu, di dalam bab halal dan haram ini Islam telah menggariskan beberapa prinsip yang berkaitan antaranya :

- a) Asal sesuatu itu harus (dibolehkan).
- b) Halal dan Haram adalah hak Allah semata-mata.
- c) Mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram, sama dengan syirik kepada Allah S.W.T.
- d) Pengharaman membawa kepada keburukan dan bahaya.
- e) Tetap pada yang halal sahaja, memadai dari yang haram.
- f) Apa yang membawa kepada perkara yang haram, hukumnya haram.
- g) Haram membuat tipu helah untuk perkara yang haram.
- h) Niat yang baik tidak boleh membersihkan yang haram.
- i) Memelihara diri dari perkara yang syubhah, iaitu yang samar-samar.
- j) Apa yang haram itu tetap haram kepada semua.
- k) Dharurat membolehkan sesuatu yang dilarang. (Yusof Al-Qaradawi. 1999).

##### **I. Asal Sesuatu ialah Harus (dibolehkan)**

Dasar pertama yang ditetapkan oleh Islam ialah membawa asal sesuatu yang diciptakan oleh Allah S.W.T, biar apa jua barangan atau manfaat, asalnya ialah halal dan boleh dipakai. Tiada yang haram melainkan jika ada nas yang sahih dan jelas daripada syariat yang menetapkan pengharamannya. Jika tidak ada nas yang sahih, seperti sesetengah hadith yang dhaif, iaitu lemah ataupun tidak jelas dalam dalil tentang pengharamannya, maka tinggalkan perkara itu seperti asal iaitu mubah (mengharuskan).

Berdasarkan prinsip pertama ini dapatlah difahami bahawa segala yang ada di muka bumi ini asalnya adalah harus dan dibolehkan oleh Allah. Ianya hanya menjadi haram jika terdapat dalil yang sahih akan pengharamannya. Dengan itu juga lingkungan pengharaman di dalam syariat Islam itu adalah sangat sempit, malah lingkungan penghalalannya pula adalah sangat luas.

##### **II. Halal dan Haram adalah Hak Allah Semata-mata.**

Sesungguhnya Islam membataskan kekuasaan yang mempunyai hak menentukan halal dan haram dan menarik hak itu dari tangan makhluk, biar apa sahaja darjatnya dalam agama Allah atau dunia manusia lalu Allah menjadikannya sebagai hak Allah semata-mata. Tidak ada sesiapa yang mempunyai hak mengharamkan sesuatu dengan pengharaman abadi ke atas hamba-hamba Allah s.w.t. Barangsiapa yang berani melakukan sedemikian, maka dia telah melewati batasnya dan melanggar hak ketuhanan dalam perundangan Allah terhadap manusia

### **III. Mengharamkan yang Halal dan Menghalalkan yang Haram Sama dengan Syirik kepada Allah S.W.T**

Jika prinsip sebelum ini Islam telah mengecam orang-orang yang mengharamkan dan menghalalkan keseluruhannya, namun Allah telah mengkhususkan orang-orang yang suka mengharamkan itu dengan kecaman yang lebih kuat dan berat kerana apa setiap apa yang terdapat pada tujuan ini adanya semacam kongkongan terhadap orang ramai dan menyempitkan terhadap apa yang diluaskan oleh Allah. Ini kerana hal tersebut hanya memenuhi kehendak sebahagian agama yang keterlaluan sahaja sedangkan Rasulullah S.A.W pernah membanteras sifat keterlaluan dan kekerasan dengan segala macam senjata.

### **IV. Pengharaman Membawa Kepada Keburukan dan Bahaya**

Sesungguhnya Allah s.w.t sahaja yang berhak untuk menghalalkan kepada hamba-hambanya dan untuk mengharamkan ke atas mereka mengikut kehendak-Nya kerana Dialah yang menciptakan manusia serta memberikan pelbagai nikmat yang tidak terhingga banyaknya. Justeru, wajarlah manusia itu memperhambakan diri kepada-Nya dengan menunaikan semua perintah Allah dan meninggalkan larangannya.

Setiap pengharaman di dalam Islam mestilah ada kaitannya dengan keburukan dan bahaya. Mana-mana yang bahayanya lebih besar daripada manfaatnya, maka ianya dihukumkan haram. Mana-mana manfaatnya lebih besar daripada bahayanya, maka halal hukumnya.

### **V. Tetap Pada Yang Halal Sahaja, Memadai dari yang Haram.**

Antara kebaikan Islam dan apa yang didatangkan untuk memudahkan manusia secara umumnya, bahawa Islam tidak mengharamkan sesuatu ke atas mereka, melainkan ia menggantikannya dengan sesuatu yang lain, yang lebih baik daripada yang diharamkannya iaitu, yang mana dapat menutup kehendak mereka dan mencukupi keperluan mereka.

Islam mengharamkan ke atas manusia menilik nasib lalu digantikannya dengan doa istikharah. Islam mengharamkan ke atas manusia memakan riba, lalu digantikan dengan melakukan perniagaan yang mendatangkan keuntungan. Islam mengharamkan manusia meminum minuman yang memabukkan lalu digantikan dengan minuman yang enak yang dapat dimanfaatkan oleh jiwa dan badan. Islam mengharamkan zina lalu digantikan dengan kahwin yang dapat menjaga keturunan dan manusia sejagat.

Hakikatnya, setiap larangan dan pengharaman yang ditetapkan Allah bukanlah bertujuan untuk menyusahkan kehidupan manusia malah setiap pengharaman itu digantikan Allah dengan sesuatu perkara lain yang halal yang jauh lebih besar bidangnya. Oleh itu, ikutlah apa yang halal dan dibenarkan Allah dan perkara yang haram hendaklah dijauhi dalam hidup manusia kerana setiap ketetapan itu nyata mempunyai manfaat dan kebaikan kepada manusia. Tujuan

semua syariat Allah adalah untuk membersihkan jiwa dengan melaksanakan segala amal dan mendidik akhlak yang baik supaya jauh daripada perkara yang buruk.

## **VI. Apa yang Membawa kepada yang Haram, Hukumnya Haram.**

Antara konsep dan prinsip yang ditetapkan Islam, bahawa jika Islam mengharamkan sesuatu, maka Islam akan mengharamkan apa sahaja yang bakal menarik perhatian kepada perkara yang haram itu dengan cara menutupi pintu kepadanya supaya ianya tidak berlaku.

Jika Islam mengharamkan perbuatan zina, maka Islam juga menghalang setiap perkara yang menarik ke atasnya seperti mendedahkan aurat, berdua-duaan antara lelaki dan perempuan, pergaulan yang tidak sopan dan sebagainya. Oleh itu, para fuqaha' telah menetapkan kaedah ini iaitu apa sahaja yang membawa kepada yang haram, maka hukumnya adalah haram.

Seperti contoh di atas, apa yang telah ditetapkan oleh Islam ialah sesungguhnya dosa perbuatan haram itu bukan hanya ditanggung oleh si pelakunya sahaja, malah lebih jauh daripada itu sehingga menyeluruh kepada semua orang, samada dia berkongsi perbuatan itu dengan bantuan tenaganya, mahupun moralnya. Semua akan mengganggu dosa sekadar penglibatannya.

Oleh itu, menjauhi perkara yang boleh membawa kepada yang haram itu adalah lebih baik supaya manusia tidak terjebak dalam perkara haram. Ini penting untuk menjamin akhlak dan kehidupan manusia supaya tidak terlibat dengan perkara haram walau sedikit pun. Sebagai muslim, kita hendaklah berhati-hati atas setiap perkara yang dilakukan supaya jauh dari perkara haram ini disamping berusaha menambahkan lagi ilmu pengetahuan tentang perkara ini.

## **5.0 HIKMAH PEMILIHAN MAKANAN HALAL**

Bahan makanan adalah penting bagi kehidupan manusia. Apa juga jenis makanan asalnya halal dalam Islam kecuali yang diharamkan oleh Allah atau yang diketahui membawa mudarat atau bencana kepada manusia. Sempadan ini diletakkan oleh Islam bagi memastikan manusia hidup berdasarkan fitrah sebagai insan yang sempurna. Isu makanan ialah suatu perkara yang penting dalam Islam dan mesti dititikberatkan oleh setiap individu muslim kerana ia melibatkan perkembangan jasmani dan rohani.

Seringkali kita terlupa tentang apa yang kita makan. Bagaimanakah penerimaan Allah s.w.t terhadap ibadat serta doa kita sekiranya kita tidak menjaga pemakanan kita? Kesucian batin amat dititikberatkan oleh Islam kerana perkara ini memudahkan seseorang itu untuk mendapat petunjuk serta membentuk peribadi mulia sebagai seorang Muslim (Rabiatul Nalawiyah Jusoh, Intan Suraya Halim. 2007).

Apabila ditinjau dari kaca mata Islam, pengambilan makanan dan minuman yang halal mempunyai hikmah yang cukup besar. Ia membolehkan manusia menjalankan kegiatan-

kegiatan hidup yang diredhoi Allah dan beramal ibadah kepada-Nya. Pemilihan produk halal bukan sahaja memberikan kesihatan kepada jasmani dan rohani, malahan dapat mengawal keadaan hidup seseorang serta identiti keIslamannya (Nuradyana Ariffin, 2011).

Di samping itu, dari segi jasmaninya makanan yang halal dan baik dapat memastikan tubuh badan mendapat keperluan yang secukupnya untuk berkembang sihat, sementara dari segi rohani makanan yang halal dapat menambah cahaya iman, menjadikan doa mudah dimakbulkan dan mencergaskan anggota badan mengerjakan ibadah ketaatan pada Allah. Justeru, penentuan halal dan haram bagi sesuatu makanan itu amat penting dan perkara ini haruslah jelas dalam kehidupan harian seorang Muslim.

Dengan memiliki hati bersih juga akan memudahkan seseorang itu untuk menerima ilmu yang akan membimbing kehidupannya ke arah jalan yang di redhai Allah S.W.T.

## **PENGUATKUASAAN MELALUI UNDANG-UNDANG**

### **1. Akta Perihal Dagangan 2011**

Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011) digubal bagi menggantikan Akta Perihal Dagangan 1972. Akta ini terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Objektif utama APD 2011 adalah untuk menggalakkan amalan perdagangan yang baik dengan melarang perihal dagangan palsu atau mengelirukan berhubung pembekalan barang dan perkhidmatan, serta untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya (Norazla *et al*, 2015)

Seksyen 28 dan 29 APD 2011, tiga perintah telah diwujudkan iaitu Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Peraturan-peraturan Perihal Dagangan (Fi Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 (Ahmad & Zulzaidi, 2012). Ini bagi menggantikan dua perintah terdahulu iaitu Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan Halal) 1975 dan Perintah Perihal Dagangan (Fi Penandaan Makanan) 1975. Seksyen 29 APD 2011 turut memberi ruang kepada pewujudan mekanisme institusi bagi mengurus dan mengendalikan hal ehwal berkaitan dengan pensijilan halal (Harlida & Alias, 2014) di mana Menteri boleh menamakan pihak berkuasa bagi memperaku, menandakan, membekalkan atau menawarkan sesuatu barangan termasuk yang berkaitan dengan pensijilan halal.

JAKIM turut diberi kuasa pendakwaan sama seperti KPDNKK berbanding hanya menjadi saksi sebelum pindaan APD 2011 dibuat (Liziana & Mariam, 2014). Pendakwaan ini bagi kes ini akan dilakukan di Mahkamah Sivil walaupun ianya berkaitan dengan halal. Pendakwaan yang dibuat di mahkamah sivil adalah lebih luas kerana bidang kuasanya meliputi orang Islam dan bukan Islam malah hukuman yang dikenakan juga lebih berat berbanding dengan bidang kuasa yang ada pada mahkamah Syariah (Liziana & Mariam, 2014). Namun bagi kesalahan berkaitan produk halal yang dikategorikan sebagai kesalahan jenayah syariah, kuasa mendakwa adalah terletak kepada Ketua Pendakwa Syarie Negeri (Siti Zubaidah, 2016).



## 2. Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011

Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 (selepas ini disebut sebagai Perintah Takrif Halal) mengandungi peruntukan berkaitan dengan takrifan halal serta perkara yang menunjukkan kesalahan memperdaya dan mengelirukan serta penalti. Perenggan 3 telah mendefinisikan produk halal sebagai tidak mengandungi bahagian atau benda daripada binatang yang dilarang atau tidak disembelih mengikut hukum syarak dan fatwa, tidak mengandungi najis, tidak memabukkan, tidak mengandungi bahagian atau anggota manusia, tidak beracun atau memudaratkan kesihatan, tidak disediakan, diproses atau dikilang menggunakan peralatan yang dicemari najis, dan tidak bersentuhan, bercampur atau berdekatan dengan apa-apa yang tidak halal ketika penyediaan, pemprosesan atau penyimpanan produk tersebut. Takrifan ini menepati konsep halalan tayyiban dan syariat Islam (Harlida & Alias, 2014). Malah takrifannya adalah lebih menyeluruh apabila mencakupi makanan, produk bukan makanan dan perkhidmatan berkaitan (Liziana & Mariam, 2014) berbanding Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan Halal) 1975 yang terhad hanya kepada makanan.

Manakala Perenggan 4 Perintah Takrif Halal telah melarang sebarang bentuk representasi atau perbuatan yang boleh memperdaya atau mengelirukan sesuatu makanan itu sebagai halal atau boleh dimakan oleh orang Islam. Sebagai contoh premis tersebut menawarkan makanan, barang atau perkhidmatan yang tidak halal tetapi pekerjaannya memakai songkok, berbaju melayu atau tudung seperti yang lazim dipakai oleh orang Islam atau meletakkan ayat-ayat al-Quran di restoran yang bagi tujuan mengaburi dan memperdaya pengguna Islam. (Harlida & Alias, 2014) dan kesalahan yang sama juga terdapat dalam Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995. (Norazla *et al*, 2015)

Hukuman yang berat menanti pesalah bagi kategori syarikat berdasarkan Perenggan 4 Perintah Takrif Halal adalah lebih berat iaitu denda tidak melebihi RM5 Juta dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya ialah tidak melebihi 10 juta. Hukuman bagi individu pula ialah denda tidak melebihi RM1 Juta dan boleh dipenjarakan tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali. Bagi kesalahan kedua atau berikutnya ialah denda tidak melebihi 5 juta dan boleh dipenjarakan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

## 3. Enakmen Jenayah Syariah Negeri

Terdapat undang-undang kesalahan jenayah syari'ah negeri-negeri yang memperuntukkan kesalahan penyalahgunaan tanda halal (Tun Abdul Hamid, 2015; Zulkifli, 2007). Antaranya Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 yang memberikan peruntukan mengenai penandaan makanan halal kepada Jabatan Agama Islam Negeri (Norazilawati, 2015) di mana pegawai penguatkuasa agama adalah pihak yang mempunyai bidangkuasa untuk penguatkuasaan undang-undang ini (Zulkifli, 2007).

Seksyen 42 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 umpamanya telah memperuntukkan hukuman kepada mana-mana individu yang mempamerkan mana-mana makanan atau minuman yang tidak halal dengan apa-apa tanda yang menunjukkan bahawa makanan atau minuman itu adalah halal. Jika disabitkan bersalah individu tersebut boleh didenda tidak melebihi RM5000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Selain itu, seksyen 59 (6) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sabah) 1995 mempunyai peruntukan tambahan; apabila menyembelih binatang halal tanpa kebenaran Majlis Agama Islam Negeri Sabah juga merupakan satu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali (Zulkifli, 2007).

## KESIMPULAN

Tuntutan untuk mencari makanan yang halal serta toyyiban merupakan kefardhuan bagi setiap umat Islam. Umat Islam haruslah dalam apa cara sekalipun berusaha untuk memastikan makanan, minuman dan pakaian merupakan dari sumber yang halal serta bukan syubhah. Makanan yang baik akan membentuk jati diri muslim yang baik. Dewasa ini kita sering melihat orang Islam di negara ini tanpa segan silu memilih makanan dan minuman yang belum tentu disahkan halal oleh pihak berkuasa dan mereka tanpa segan silu mempromosikan budaya tersebut di media sosial. Melalui kajian ini, diharapkan dapat memupuk kesedaran dalam kalangan pengguna Islam bahawa di Malaysia terdapat undang-undang khusus yang mengawal mengenai aspek pemakanan dan kepenggunaan halal supaya tidak ada individu mahupun syarikat yang mengambil kesempatan dan keuntungan.

## BIBLIOGRAFI

- Ahmad Hidayat Buang & Zulzaidi Mahmud. 2012. *Isu dan Cabaran Badan Pensijilan Halal Di Malaysia*. Shariah Journal. 20(3):271-288.
- Harlida Abdul Wahab & Alias Azhar. 2014. *Halalan Tayyiban dalam Kerangka Perundangan Malaysia*. KANUN. 1:103-120.
- Zulkifli Hassan. 2007. *Undang-undang Produk Halal di Malaysia: Isu Penguatkuasaan dan Pendakwaan. Konvensyen Kebangsaan Undang-undang: Isu Penguatkuasaan dan Pendakwaan*. 11-12 Ogos 2007.1-21.
- Siti Zubaidah Ismail. 2016. *Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Norazla Abdul Wahab. 2015. *Undang-undang Halal Malaysia: Isu dan Cabaran*. <https://www.researchgate.net/publication/286920615>.
- Yusof Al-Qaradawi. *Halal Dan Haram Dalam Islam*. Terj. Dr Zulkifli Bin Mohammad Al Bakri. Bandar Baru Bangi, Selangor: Darul Syakir Enterprise
- Norazilawati Md Dahlal. 2015. *Pengurusan Kualiti Makanan Halal*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Rabiatul Nalawiyah Jusoh, Intan Suraya Halim. 2007. *Isu Halal Dan Haram*. Shah Alam: JRAS Corporation Sdn. Bhd.
- Nuradyana Ariffin. 2011. *Rezeki Berkat Dan Makanan Halal Sajian Untuk Keluarga*. Kuala Lumpur: Mulia Terang Sdn Bhd